

UMP memperkenalkan Format Ghani untuk pelajar sekolah

Um (Kec) Kuantan 31/7/13 ms 26



MOHD. Ghani Awang (tengah, berdiri) menyampaikan penerangan kepada pelajar sekolah mengenai teknik mencatat nota kaedah Format Ghani di Universiti Malaysia Pahang kampus Gambang, Kuantan, semalam.

KUANTAN 30 Julai - Sebanyak 179 pelajar tingkatan lima dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Indera Shahbandar dan SMK Peramu Jaya menyertai program teknik mencatat nota menggunakan kaedah Format Ghani sebagai persediaan menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hujung tahun ini.

Program itu merupakan sebahagian inisiatif Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dalam meningkatkan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah.

Pengurus Projek Pembangunan Sosial ECER-UMP, Zainal Bahari berkata, aktiviti itu sebahagian daripada kendalian Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (Cenfed) dengan kerjasama

ECERDC serta Persatuan Wanita UMP (Matahari).

"Pelajar diberi peluang mempelajari teknik menjawab soalan bersama guru dalam mata pelajaran teras serta melaksanakan program motivasi dalam kalangan peserta Agropolitan Pekan dan masyarakat di Kuala Pahang," katanya kepada pemberita selepas program tersebut di Dewan Kuliah Utama di UMP kampus Gambang, di sini baru-baru ini.

Menurutnya, program itu menerima maklum balas positif daripada pihak sekolah apabila kalangan pelajar lebih berminat dan bersemangat dalam pembelajaran.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi UMP, Prof. Madya Dr. Mohd. Ghani Awang berkata, Format Ghani merupakan hasil penyelidikan beliau yang boleh

dimanfaatkan pelajar sebagai kaedah pembelajaran serta menghafal fakta secara mudah ringkas dan padat.

"Format ini telah membantu lebih 50 sekolah bagi membantu pelajar dalam penyediaan nota dan kemahiran belajar melalui analisis profil kemahiran.

"Pelajar perlu banyak menjawab latihan tubi atau mendapatkan soalan-soalan peperiksaan daripada pelajar negeri lain bagi meningkatkan lagi kemahiran menjawab dalam peperiksaan," ujarnya.

Seorang peserta daripada SMK Indera Shahbandar, **Nurul Syafiqah Ramzi**, 17, berkata, dia bersyukur apabila berpeluang menyertai program ini dan berhasrat menggunakan format tersebut untuk menyalin nota dengan cara lebih mudah diingati.